




KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

PANDUAN HAK PEKERJA

BAGI PELAKSANAAN SEKSYEN 26A

AKTA KESELAMATAN DAN
KESIHATAN PEKERJAAN 1994

2024



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

PANDUAN HAK PEKERJA

BAGI PELAKSANAAN SEKSYEN 26A

AKTA KESELAMATAN DAN
KESIHATAN PEKERJAAN 1994

2024

Cetakan Pertama

Panduan Hak Pekerja Bagi Pelaksanaan Seksyen 26A
Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994)
2024

Hak cipta terpelihara.

Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau digunakan dalam apa-apa bentuk atau kaedah, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuklah salinan fotokopi atau hantaran internet atau intranet, tanpa izin bertulis terlebih dahulu, melainkan dinyatakan sebaliknya, atau diperlukan dalam konteks pelaksanaannya.

Panduan Hak Pekerja Bagi Pelaksanaan Seksyen 26A
Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994)
2024

Penerbit

**Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia
(Kementerian Sumber Manusia)**

Aras 1, 3, 4 dan 5,
Blok Setia Perkasa 4, Kompleks Setia Perkasa,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530 Putrajaya



Prakata

Panduan ini dinamakan sebagai Panduan Hak Pekerja Bagi Pelaksanaan Seksyen 26A Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994).

Tujuan panduan ini dibangunkan adalah untuk memberi panduan kepada majikan dan pekerja bagi pelaksanaan peruntukan berkaitan hak pekerja yang khusus kepada keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di bawah Seksyen 26A AKKP 1994, yang telah dibuat melalui Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022.

Pekerja merupakan aset penting negara kerana mereka menyumbang kepada produktiviti bukan sahaja kepada sesebuah organisasi atau syarikat, malah turut menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Persekitaran tempat kerja yang selamat, sihat dan kondusif akan memupuk ke arah kehidupan yang sejahtera dan memberi motivasi kepada pekerja untuk meningkatkan daya saing dan produktiviti.

Bekerja dalam persekitaran kerja yang selamat dan sihat adalah hak asasi pekerja, di mana ia termasuk dalam kerangka bagi hak dan prinsip asas di tempat kerja oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*International Labour Organization's framework of fundamental principles and rights at work*).

Panduan ini diharap dapat membantu majikan secara tidak langsung dalam memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan para pekerjanya semasa bekerja seperti yang digariskan dalam tanggungjawab majikan melalui seksyen 15 AKKP 1994, dapat memberi kesedaran kepada pekerja mengenai kepentingan KKP di tempat kerja dan seterusnya dapat mengurangkan kadar kemalangan, keracunan dan penyakit pekerjaan di tempat kerja.

Saya ingin mengucapkan terima kasih dan menghargai mereka yang telah memberi sumbangan dalam menghasilkan panduan ini.

Ir. Hj. Mohd Hatta bin Zakaria
Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Malaysia
2024

PENGHARGAAN

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia ingin mengucapkan terima kasih kepada individu berikut kerana sumbangan mereka secara langsung dan tidak langsung semasa merangka panduan ini. Panduan Hak Pekerja bagi Pelaksanaan Seksyen 26A Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 ini telah disediakan oleh :

- 
- | | | |
|-----|---------------------------------------|------|
| 1. | Ts. Salina binti Tukimin | JKKP |
| 2. | Hajah Noor Azurah binti Hj Abd Rahman | JKKP |
| 3. | Zainul Azereen bin Zaini | JKKP |
| 4. | Norsalnita binti Md Noor | JKKP |
| 5. | Azhan bin Ab Majid | JKKP |
| 6. | Noor Zarith Iffah binti Jasmani | JKKP |
| 7. | Ts. Mohd Rafiah bin Ismail | JKKP |
| 8. | Wan Ahmad Jaziila bin Wan Hassan | JKKP |
| 9. | Mohd Faizal bin Mohd Hatta | JKKP |
| 10. | Musna binti Rappe | JKKP |

KANDUNGAN

	PRAKATA	1
	PENGHARGAAN	2
1.0	Pengenalan	4
2.0	TUJUAN	5
3.0	KEHENDAK PERUNDANGAN	5
4.0	TAFSIRAN	6
5.0	PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	6
6.0	PROSEDUR PELAKSANAAN	7
	PERLINDUNGAN	
	KEPADA PEKERJA YANG	
7.0	MELAKSANAKAN HAKNYA	8
	MENURUT SEKSYEN 26A AKKP	
	1994	
	APPENDIX 1 :	9
	KECEDERAAN BADAN YANG SERIUS	
	APPENDIX 2 :	
	CARTA ALIR PROSEDUR	
	PELAKSANAAN BAGI MENANGANI	10
	SITUASI BAHAYA HAMPIR PASTI	
	BERLAKU	

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Kemalangan, keracunan dan penyakit pekerjaan yang berlaku di tempat kerja memberi kesan yang negatif kepada pekerja yang terlibat dan kepada organisasi yang terpaksa menanggung kos kerugian langsung (seperti bayaran perubatan dan pampasan) dan kos tidak langsung (seperti kehilangan produktiviti, kos menggaji pekerja baharu, imej organisasi). Malahan ia turut memberi impak yang negatif kepada ekonomi dan produktiviti negara.
- 1.2 Persekitaran tempat kerja yang selamat, sihat dan kondusif adalah penting bagi mengelakkan atau mengurangkan kemalangan pekerjaan serta keracunan dan penyakit pekerjaan berlaku di tempat kerja. Ia juga secara tidak langsung dapat meningkatkan produktiviti pekerja, serta kualiti sesuatu produk yang dihasilkan atau perkhidmatan yang diberikan oleh sesebuah syarikat atau organisasi.
- 1.3 Bekerja dalam persekitaran kerja yang selamat dan sihat adalah hak asasi pekerja, di mana ia termasuk dalam kerangka bagi hak dan prinsip asas di tempat kerja oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*International Labour Organization's framework of fundamental principles and rights at work*) pada Persidangan Buruh Antarabangsa (*International Labour Conference*) yang ke-110 tahun 2022.
- 1.4 Hak pekerja berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) dinyatakan secara khusus melalui Artikel 13 yang terkandung dalam Konvensyen Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1981 (No. 155) / C155 oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*International Labour Organization /ILO*). Artikel 13 menyatakan seperti berikut -

Article 13. C155

A worker who has removed himself from a work situation which he has reasonable justification to believe presents an imminent and serious danger to his life or health shall be protected from undue consequences in accordance with national conditions and practice.

Article 19. C155 juga menjelaskan berkaitan perkiraan yang perlu dilaksanakan sekiranya terdapat bahaya hampir pasti berlaku di tempat kerja, sebagaimana yang dinyatakan seperti berikut –

Article 19. C155

There shall be arrangements at the level of the undertaking under which—

.....

(f) a worker reports forthwith to his immediate supervisor any situation which he has reasonable justification to believe presents an imminent and serious danger to his life or health; until the employer has taken remedial action, if necessary, the employer cannot require workers to return to a work situation where there is continuing imminent and serious danger to life or health.

- 1.5 Keputusan untuk memasukkan peruntukan berkenaan hak pekerja berkaitan KKP di dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994) telah dicapai melalui hasil sesi konsultasi antara kerajaan, kesatuan pekerja dan kesatuan majikan yang telah diadakan melalui Jawatankuasa Teknikal di bawah Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (*National Labour Advisory Council/ NLAC*) pada 13 Januari 2019.

- 1.6 Justeru, melalui Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022, suatu peruntukan mengenai hak pekerja berkenaan KKP telah diperkenalkan, sebagai salah satu usaha kerajaan bagi melindungi hak pekerja untuk bekerja dalam persekitaran tempat kerja yang selamat, sihat dan kondusif.
- 1.7 Dengan wujudnya peruntukan baharu berkaitan hak pekerja ini juga, Malaysia telah berjaya meratifikasi Konvensyen Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1981 (No. 155) / C155 pada 11 Jun 2024 di Persidangan Buruh Antarabangsa ke-112 di Geneva, Switzerland.

2.0 TUJUAN

- 2.1 Panduan ini bertujuan memberi penerangan mengenai pelaksanaan Seksyen 26A AKKP 1994 berhubung tindakan yang perlu diambil oleh majikan dan pekerja apabila berhadapan dengan situasi bahaya hampir pasti berlaku di tempat kerja.

3.0 KEHENDAK PERUNDANGAN

- 3.1 Pindaan ke atas Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 telah dibuat melalui Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022, antara lainnya dengan memperkenalkan suatu peruntukan berkenaan hak pekerja melalui Seksyen 26A seperti berikut –

Seksyen 26A

- 26A. (1)** *Seseorang pekerja, selepas memberitahu majikannya atau wakilnya bahawa dia mempunyai justifikasi yang munasabah untuk mempercayai terdapat suatu bahaya hampir pasti berlaku di tempat kerjanya, hendaklah mempunyai hak untuk mengeluarkan dirinya daripada bahaya atau kerja itu jika majikan itu gagal untuk mengambil apa-apa tindakan untuk menghapuskan bahaya itu.*
- (2)** *Seseorang pekerja yang mengeluarkan dirinya daripada bahaya mengikut subseksyen (1) hendaklah dilindungi daripada akibat tidak wajar dan tidak boleh didiskriminasikan.*
- (3)** *Bagi maksud seksyen ini, "bahaya hampir pasti berlaku" ertinya suatu risiko kematian yang serius atau kecederaan badan yang serius kepada mana-mana orang yang disebabkan oleh mana-mana loji, bahan, keadaan, aktiviti, proses, amalan, tatacara atau bahaya tempat kerja.*
- 3.2 Menurut seksyen 26A AKKP 1994, jika seseorang pekerja selepas memberitahu majikan atau wakilnya, bahawa dia mempunyai justifikasi munasabah untuk mempercayai adanya bahaya hampir pasti berlaku kepada keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, pekerja tersebut mempunyai hak untuk mengeluarkan dirinya daripada bahaya tersebut atau aktiviti kerja jika majikan gagal mengambil apa-apa tindakan untuk menghapuskan bahaya tersebut.
- 3.3 Pekerja yang mengeluarkan diri daripada bahaya menurut peruntukan ini hendaklah dilindungi daripada akibat tidak wajar dan tidak boleh didiskriminasi.
- 3.4 Peruntukan perundangan berkenaan hak pekerja ini selaras dengan Artikel 13 yang terkandung dalam Konvensyen Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1981 (No. 155) / C155 oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

4.0 TAFSIRAN

- 4.1 Menurut Seksyen 26A AKKP 1994, “bahaya hampir pasti berlaku” ertinya risiko kematian yang serius atau kecederaan badan yang serius kepada mana-mana orang yang disebabkan oleh mana-mana loji, bahan, keadaan, aktiviti, proses, amalan, tatacara atau bahaya tempat kerja.

Sebagai panduan, kriteria yang perlu diambil kira bagi “bahaya hampir pasti berlaku” adalah

- (i) Terdapat risiko kematian dan kecederaan badan yang serius, di mana ‘kecederaan badan yang serius’ adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat, AKKP 1994. (Rujuk Appendix1); dan
- (ii) Pada situasi tersebut, kematian dan kecederaan badan yang serius ini boleh berlaku dengan segera atau dalam masa yang singkat.

- 4.2 Manakala, sebagai panduan bagi maksud “mempunyai justifikasi yang munasabah untuk mempercayai terdapat suatu bahaya hampir pasti berlaku” ialah –

- (i) pekerja tersebut mempunyai alasan yang boleh dibuktikan bagi “bahaya hampir pasti berlaku”; dan
- (ii) pekerja tersebut benar – benar percaya dengan sesuci hati (*in good faith*) bahawa dia terdedah kepada “bahaya hampir pasti berlaku” yang berkemungkinan akan menyebabkan kematian dan kecederaan badan yang serius.

5.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

5.1 Tanggungjawab Majikan

Sebagai panduan kepada majikan bagi pelaksanaan peruntukan Seksyen 26A AKKP 1994, langkah – langkah yang perlu diambil termasuklah seperti berikut:

- (i) Mengenal pasti lokasi dan aktiviti kerja yang berkemungkinan akan wujud “bahaya hampir pasti berlaku” di tempat kerja.;

Nota: Sebagai panduan, maklumat ini boleh diperolehi daripada hasil pentaksiran risiko yang dijalankan di tempat kerja.

- (ii) Mengadakan prosedur bagi menangani situasi apabila “bahaya hampir pasti berlaku” terjadi di tempat kerja;
- (iii) Memberi maklumat dan latihan kepada pekerja berkaitan -
 - a) Hak pekerja menurut Seksyen 26A AKKP 1994;
 - b) “bahaya hampir pasti berlaku” di tempat kerja serta risiko bahaya tersebut, dan
 - c) prosedur yang perlu diikuti apabila berhadapan dengan situasi tersebut;

- (iv) Mengambil langkah pembaikan serta merta apabila “bahaya hampir pasti berlaku” terjadi di tempat kerja, jika perlu menghentikan aktiviti kerja tersebut sehinggalah “bahaya hampir pasti berlaku” dapat dihapuskan; dan
- (v) Menyimpan rekod berkenaan “bahaya hampir pasti berlaku”, seperti rekod kejadian yang berlaku di tempat kerja, rekod latihan dan lain lain yang berkaitan.

5.2 Tanggungjawab Pekerja

Sebagai panduan kepada pekerja bagi pelaksanaan peruntukan Seksyen 26A AKKP 1994, langkah – langkah yang perlu diambil termasuklah seperti berikut:

- (i) Sentiasa berwaspada dengan lokasi dan aktiviti kerja yang berkemungkinan akan wujud “bahaya hampir pasti berlaku” di tempat kerja;
- (ii) Memberitahu majikan atau wakil majikan dengan segera jika terjadi situasi “bahaya hampir pasti berlaku” di tempat kerja; dan
- (iii) Mengikut prosedur bagi menangani situasi apabila “bahaya hampir pasti berlaku” terjadi di tempat kerja.

6.0 PROSEDUR PELAKSANAAN

6.1 Sebagai panduan kepada majikan dan pekerja bagi pelaksanaan peruntukan Seksyen 26A AKKP 1994, langkah – langkah yang boleh diambil bagi menangani situasi “bahaya hampir pasti berlaku” termasuklah seperti berikut:

- (i) Pekerja dengan segera memberitahu majikan atau wakil majikan berkenaan “bahaya hampir pasti berlaku”, jika dia mempunyai justifikasi yang munasabah adanya bahaya tersebut di tempat kerja;
- (ii) Majikan atau wakil majikan dengan segera memeriksa dan mengambil langkah yang sewajarnya untuk menghapuskan bahaya tersebut;
- (iii) Jika majikan dapat menghapuskan bahaya tersebut dengan segera,
 - a) majikan perlu memastikan tempat kerja tersebut telah selamat dan memastikan bahaya itu tidak akan berulang lagi apabila pekerja kembali bekerja; dan
 - b) majikan boleh membenarkan pekerja kembali meneruskan kerja;
- (iv) Jika majikan tidak dapat menghapuskan bahaya tersebut dengan segera,
 - a) majikan atau wakil majikan perlu mengambil langkah yang sewajarnya untuk menghapuskan bahaya tersebut, jika perlu menghentikan apa-apa aktiviti kerja yang melibatkan “bahaya hampir pasti berlaku”, sehinggalah bahaya tersebut dapat dihapuskan;
 - b) majikan tidak boleh membenarkan pekerja kembali meneruskan kerja; dan
 - c) pada situasi ini, pekerja mempunyai hak untuk mengeluarkan dirinya daripada aktiviti kerja tersebut.

- 6.2 Walau apa pun yang dinyatakan dalam para 6.1, sekiranya pekerja telah berusaha dengan sedaya upaya dan sesuci hati (*in good faith*) untuk memberitahu majikan atau wakil majikan dengan segera berkenaan “bahaya hampir pasti berlaku” yang terjadi, tetapi majikan atau wakilnya gagal dihubungi, pekerja tersebut mempunyai hak untuk mengeluarkan dirinya daripada aktiviti kerja tersebut dan pergi ke tempat yang selamat untuk melindungi diri.

Seterusnya, pekerja tersebut perlu terus berusaha untuk memaklumkan berkenaan “bahaya hampir pasti berlaku” yang terjadi kepada majikan atau wakil majikan, bagi membolehkan majikan mengambil langkah yang wajar menghapuskan bahaya tersebut.

Rujuk Carta Alir Prosedur Pelaksanaan Bagi Menangani Situasi Bahaya Hampir Pasti Berlaku dalam Appendix 2.

- 6.3 Sebagai tambahan majikan juga perlu mengambil tindakan segera yang sewajarnya, jika “bahaya hampir pasti berlaku” yang terjadi di tempat kerja menjadi lebih buruk seperti tidak dapat dikawal atau situasi kecemasan yang mana pelan tindakan kecemasan (*emergency response plan*) perlu diaktifkan di tempat kerja.

7.0 PERLINDUNGAN KEPADA PEKERJA YANG MELAKSANAKAN HAKNYA MENURUT SEKSYEN 26A AKKP 1994

- 7.1 Pekerja yang mengeluarkan diri daripada bahaya menurut peruntukan Seksyen 26A AKKP 1994 hendaklah dilindungi daripada akibat tidak wajar dan tidak boleh didiskriminasi oleh majikan atau mana-mana orang seperti memecat, mencederakan, mengubah kedudukan pekerja tersebut (ke kedudukan lebih rendah) dan lain-lain.
- 7.2 Sekiranya berlaku diskriminasi oleh majikan terhadap pekerja yang telah melaksanakan haknya di bawah Seksyen 26A AKKP 1994, perkara ini akan diuruskan di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177].



KECEDERAAN BADAN YANG SERIUS
Jadual Keempat
[Subseksyen 3(1) AKKP 1994]


Appendix 1

1. Emaskulasi
2. Kehilangan penglihatan yang kekal salah satu mata
3. Kehilangan pendengaran yang kekal salah satu telinga
4. Kehilangan mana-mana anggota atau sendi
5. Kemusnahan atau kerosakan kekal kekuatan mana-mana anggota atau sendi
6. Kecacatan yang kekal pada kepala atau muka
7. Patah atau terkehel tulang
8. Amputasi lengan, tangan, jari, ibu jari, kaki, tapak kaki atau ibu jari kaki
9. Apa-apa kecederaan yang menghancurkan kepala atau torso yang menyebabkan kerosakan kepada otak atau organ dalaman di dada atau abdomen
10. Apa-apa kecederaan luka terbakar (termasuk kulit melecur/apa-apa kecederaan di kulit kepala) yang—
 - a) meliputi lebih 10% daripada jumlah keseluruhan kawasan permukaan badan; atau
 - b) menyebabkan kerosakan yang ketara pada mata, sistem pernafasan atau organ penting lain
11. Apa-apa tahap melecur yang memerlukan rawatan daripada pengamal perubatan yang berdaftar
12. Apa-apa kecederaan lain yang timbul daripada bekerja dalam ruang tertutup yang menyebabkan hipotermia atau penyakit yang disebabkan haba
13. Hilang kesedaran yang disebabkan oleh kecederaan kepala atau asphyxia (kekurangan oksigen)
14. Kecederaan elektrik
15. Hilang kesedaran atau sakit akut daripada penyerapan, penyedutan atau pengingesan apa-apa bahan yang memerlukan rawatan oleh pengamal perubatan berdaftar
16. Apa-apa hal tentang keadaan tidak sihat akut jika terdapat sebab untuk mempercayai bahawa hal ini ialah akibat daripada pendedahan kepada patogen terasing atau bahan yang dijangkiti
17. Apa-apa kecederaan atau luka terbakar lain yang berhubungan dengan kerja mengakibatkan orang yang tercedera dimasukkan ke dalam hospital dengan serta-merta selama lebih daripada 24 jam

CARTA ALIR

Appendix 2

PROSEDUR PELAKSANAAN BAGI MENANGANI SITUASI BAHAYA HAMPIR PASTI BERLAKU





**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**

Aras 1,3,4 dan 5, Blok Setia Perkasa 4,
Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Wilayah Persekutuan Putrajaya

☎ Tel: 03 - 8886 5343 ☎ Faks: 03 - 8889 2443 ✉ Email: projkkp@mohr.gov.my